

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	28 JANUARY 2017

Kerajaan pandang serius

UM-28/1/2017

Oleh FITRI AFFENDI MUSTAFA
dan FARHANA JONI
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 27 JAN.

KERAJAAN memandang serius pendedahan kerugian sebanyak AS\$10 bilion (RM44 bilion) yang dialami Bank Negara Malaysia (BNM) melalui kegiatan perdagangan mata wang sepanjang tahun 1991 hingga 1993.

Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, sehubungan itu, kerajaan akan mendapatkan pandangan dan ulasan BNM serta pihak lain sebelum membuat sebarang keputusan mengenai perkara itu.

“Satu pengakuan yang kita mesti pandang serius. Bagaimanapun, saya dan anggota kerajaan perlu mendapatkan pandangan dan ulasan daripada Bank Negara dan pihak lain sebelum Kabinet membuat keputusan dalam perkara tersebut,” katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di sini hari ini.

Semalam, bekas Penolong Gabenor BNM, Datuk Abdul Murad Khalid berkata, BNM mencatatkan kerugian sebanyak AS\$10 bilion (RM44 bilion) melalui kegiatan perdagangan mata wang sepanjang 1991 hingga 1993, jauh



NAJIB TUN RAZAK membincangkan sesuatu dengan Hishammuddin Tun Hussien sambil diperhatikan Ahmad Zahid Hamidi dan Setiausaha Agung, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor sebelum bermulanya mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di Menara Dato' Onn, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/ABDUL NAZIR MOHAMED



KERATAN muka depan *Utusan Malaysia*, semalam.

lebih besar daripada jumlah yang dilaporkan bank pusat tersebut.

Abdul Murad berkata, Laporan

Tahunan BNM pada 1994 hanya mencatatkan kerugian sebanyak RM9 bilion sahaja akibat kegiatan itu, sedangkan angka sebenar adalah jauh lebih besar.

Isu kerugian yang dialami BNM akibat kegiatan perdagangan mata wang itu pernah menggemparkan negara pada 1994 namun tiada tindakan lanjut diambil terhadap pihak yang terlibat.

Pada masa itu, pelbagai pihak termasuk bekas Menteri Kewang-

an, Tun Daim Zainuddin mempersoalkan mengapa BNM dilibatkan dalam kegiatan spekulasi mata wang yang berisiko tinggi untuk mengalami kerugian.

Walau bagaimanapun, pada 3 April 1994, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang merupakan Perdana Menteri ketika itu dilaporkan berkata, kerugian sebanyak RM5.7 bilion yang dialami oleh BNM dalam transaksi perdagangan wang asing pada 1993 tidak menjejaskan kedudukan kewangan negara.